



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
17 APRIL 2017 (ISNIN)

AKHBAR

MUKA SURAT

Utusan Malaysia

- MPAJ laksana caj parkir dalam talian Mei ini 31

Chinapress

- Bakal ada jejantas penjalan kaki C3

Berita Harian

- PBT perlu cekap urus air hujan 13



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 17 APRIL 2017 (ISNIN)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	MPAJ laksana caj parkir dalam talian Mei ini
Muka Surat	31

MPAJ laksana caj parkir dalam talian Mei ini

JAM
17/4/17
MJS 31

AMPANG JAYA 16 April - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan melaksanakan pembayaran caj tempat letak kenderaan secara dalam talian atau 'Smart Parking' bermula Mei ini.

Yang Dipertuannya, Abd. Hamid Hussain berkata, aplikasi tersebut adalah sistem yang mampu meningkatkan hasil pihak berkuasa tempatan itu serta selari dengan program Smart Selangor iaitu memberi keselesaan dan kemudahan kepada rakyat.



ABD. HAMID HUSSAIN

"Bagaimanapun MPAJ masih dalam proses melantik syarikat bagi melaksanakan dan membangunkan aplikasi tersebut.

"Pengenalan kepada aplikasi ini secara tidak langsung dapat memudahkan pengguna serta dilihat lebih maju dan berteknologi," katanya ketika berucap dalam majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016 MPAJ di sini.

Dalam majlis itu, seramai 62

kakitangan MPAJ daripada pelbagai jabatan menerima anugerah termasuk dua daripadanya Anugerah Khas dan tujuh orang pesara.

Dalam pada itu, Abd. Hamid berkata, MPAJ juga mengambil inisiatif untuk melaksanakan Pelan Tindakan Pengurusan Strategi Penurunan Karbon 2022.

"Menerusi program ini, majlis kini dalam usaha merangka aktiviti seperti memperbanyakkan kebun-kebun komuniti serta pemasangan lampu diod pemancar cahaya (LED) di premis-premis dan jalan raya di kawasan pentadbiran majlis," jelasnya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 17 APRIL 2017 (ISNIN)	
Akhbar	Chinapress
Tajuk Berita	Bakal ada jejantas penjalan kaki
Muka Surat	C3

瑪華路准建人行天橋

等中央政府發出撥款

CP 17/4/17
Ms C3

(安邦16日讯)安邦再也市议员云天祥指出,经过多时争取,玛华路(Jalan Mawar)的人行天桥工程已获得公共工程局批准,目前尚在等候中央政府发出拨款。

他指出,自从去年宣誓成为市议员,已经密切关注玛华路的交通情况,然而玛华路是联邦道路,是公共工程局管辖,安邦再也市议会无从插手进行提升。

他说,去年已向公共工程局提出要求,在六福园布雅美拉蒂路与玛华路之间建设人行天桥。

“当局去年年底已经批准这项建议,估计建筑费用需要250万令吉,目前仍在等待中央政府发出拨款。”

他召开记者会上,如是回应日前莲花苑区国阵协调员刘博文就玛华路是车祸黑区召开记者会,提及当地原有的人行天桥建议遥遥无期的指责。

陪同出席的尚有云天祥特别助理梁顺鑫

和六福园国中家协主席依布拉欣。

云天祥说,认同刘博文指玛华路交通流量高,对越过马路的行人和出入分岔路口的车子有车祸的危险,建筑人行天桥是彻底的解决方案。

不要指桑罵槐

他促请刘博文,在发出指控言论的时候要认清负责单位,不要指桑骂槐,把责任推到市议会身上。

另外,梁顺鑫指出,玛华路的斑马线与交通圈距离相近,驶入该路的车子鲜少会放缓车速,故斑马线的效果不大。

“玛华路有4条车道,当交通通畅的时候,车子车速甚快,学生和民众要越过马路也相当危险。”

他坦言,交通拥堵时,行人反而可以安全在车龙中越过马路。



■云天祥(前排中)出示公共工程局批准人行天桥工程的信函,目前等候中央政府拨款才能动工,前排左起为依布拉欣和梁顺鑫。

斑馬線作用不大

★依布拉欣(六福园国中家协主席)

玛华路有4条车道,许多学生会越过玛华路,但是现有的斑马线发挥的效果

不大。

不过,玛华路不在学校范围,学校没法子安排交通指挥员协助学生过马路,等候公共工程局的人行天桥是唯一的解决方案。



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
17 APRIL 2017 (ISNIN)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	PBT perlu cekap urus air hujan
Muka Surat	13



Kedadaan banjir kilat yang melanda Batu 7 1/2 Hulu Klang, Rabu lalu.



[FOTO IHSAN PEMBACA]

Sebahagian taman perumahan di sekitar Kelapa Sawit, Kulai ditenggelami banjir kilat, Rabu lalu.

ELAK BENCANA ALAM, BANJIR KILAT

PBT perlu cekap urus air hujan

BH 17/4/17 Ns 13

➔ Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) patut jadi panduan semua

Oleh Badrul Kamal Zakaria
badrukkamal@bh.com.my

► Tangkai

➔ Semua pihak termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu mematuhi garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) bagi mengelak bencana alam termasuk banjir kilat yang sering berlaku terutama di kawasan bandar.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Hamim Samuri, berkata jika semua pihak mematuhi garis panduan berkenaan, ia akan dapat mengelakkan kejadian banjir kilat daripada berulang.

Katanya, antara punca utama banjir kilat ialah sistem perparitan dan saliran yang kurang cekap ser-

ta tidak dibangunkan dengan sempurna.

"Semua pihak perlu memastikan sistem berkenaan tidak tersumbat dan mengelakkan pendedahan kelodak tanah di kawasan bumi yang diteruka. Dalam erti kata lain, air hujan perlu diurus dengan sempurna dan cekap, sebagaimana yang terkandung dalam MASMA.

Sistem perparitan tersumbat

"Katakan sungai... sistem pengaliran dan kawasan tadahan air di naik taraf tetapi sistem perparitan tidak diuruskan dengan sempurna, maka akan berlaku banjir kilat," katanya kepada BH ketika ditemui di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kejadian banjir kilat yang melanda beberapa kawasan di Lembah Klang pada Rabu lalu berikutan hujan lebat berterusan lebih sejam dan kejadian sama yang berlaku di Johor Bahru pada Khamis.

Pada kejadian Rabu lalu, antara kawasan terjejas teruk adalah sebahagian Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 di Hulu Klang berhampiran Zoo Negara serta di Batu 7 1/2 Hulu Klang apabila 46 keluarga terpaksa

meninggalkan rumah masing-masing kerana dinaiki air.

Dalam kejadian banjir kilat di Johor Bahru pula, antara kawasan yang terjejas adalah Kampung Maju Jaya, Kampung Bunga Ros, Kampung Kangkar Tebrau dan Kampung Paya Kenangan.

Menurut Pegawai Pertahanan Awam Daerah Johor Bahru, Kapten (PA) Mohd Aziz Jupri, pihaknya difahamkan, kejadian banjir kilat di Kampung Maju Jaya adalah disebabkan sistem perparitan yang tersumbat.

Hamim berkata, perkara paling penting dalam mengatasi masalah banjir kilat di kawasan bandar adalah semua sistem perparitan dan tebatan banjir perlu disesuaikan dengan perubahan iklim yang agak serius pada masa ini.

Katanya, keadaan ini juga disebabkan corak taburan hujan yang tinggi dan keadaan musim hujan berubah hingga menyebabkan negara yang sepatutnya mengalami musim kering tetapi menjadi musim basah.

"Taburan hujan pada masa tertentu juga memecah hampir dua kali ganda berbanding rekod terdahulu. Contohnya, kalau dahulu sepatutnya hanya 30 milimeter

(mm), kini dah jadi 60 mm.

Ambil kira perubahan iklim

"Justeru, kita perlu melihat perkara ini secara menyeluruh. Ini termasuk reka bentuk dan juga pengurusan mengenainya perlu mengambil kira keadaan perubahan iklim yang serius," katanya. Beliau berkata, MASMA juga hanya boleh diperkukuh dan berfungsi dengan baik sekiranya cadangan Rang Undang-Undang Sumber Air Negara yang dicadangkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dapat diguna pakai semua kerajaan negeri.

"Rang undang-undang ini tidak hanya berkaitan soal pengurusan bekalan air, tetapi turut merangkumi keseluruhan pengurusan sumber air termasuk hujan, sistem pengaliran, sistem pengaliran, tadahan, tuatan, ekstrak air bawah tanah, selain soal keselamatan seperti kawasan tadahan, kolam dan rekreasi.

"Rang undang-undang yang dicadangkan ini juga akan memberi kuasa sepenuhnya kepada setiap kerajaan negeri menguruskan sumber air mereka sendiri termasuk juga isu banjir kilat," katanya.



Rang undang-undang yang dicadangkan ini juga akan memberi kuasa sepenuhnya kepada setiap kerajaan negeri menguruskan sumber air mereka sendiri termasuk juga isu banjir kilat"

Hamim Samuri,
Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar